

# ***Pelan Strategik Jabatan Pertanian***

**Rancangan Malaysia Kesepuluh  
(Rolling Plan Pertama 2011 - 2012)**



# KANDUNGAN

---

<b>Prakata</b>	<b>2</b>
<b>Latar Belakang</b>	<b>3 - 4</b>
<b>Hubungkait Perkhidmatan Teras Dan Objektif Dalam Pencapaian Visi Dan Misi Jabatan Pertanian</b>	<b>5</b>
<b>Misi Perkhidmatan Pelanggan</b>	<b>6</b>
<b>Piagam Pelanggan</b>	<b>7 - 9</b>
<b>Nilai-Nilai Teras</b>	<b>10</b>
<b>Kuasa Dan Undang-Undang</b>	<b>11 - 12</b>
<b><i>Stakeholders</i>, Pelanggan Dan Golongan Sasar / Pelanggan Langsung</b>	<b>13</b>
<b>Cabaran Di Dalam Pembangunan Sektor Pertanian</b>	<b>14</b>
<b>Peranan Jabatan Pertanian Dalam Transformasi Pembangunan Pertanian</b>	<b>15 - 16</b>
<b>Peranan Jabatan Pertanian Bagi Tempoh 2011-2015</b>	<b>17</b>
<b>Hala Tuju Jabatan Pertanian Bagi Tempoh 2011-2015</b>	<b>18</b>
<b>Pendekatan Pelaksanaan Projek RMKe-10 Jabatan Pertanian, 2011-2015</b>	<b>19 - 21</b>
<b>Rangkaian Strategik</b>	<b>22</b>
<b>Faktor Menentukan Kejayaan – Luaran Dan Dalaman</b>	<b>23 - 26</b>

<b>Rangka Kerja Bersepadu Dasar Dan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10 Jabatan Pertanian, 2011-2015</b>	<b>27</b>
<b>Projek Pembangunan RMKe-10 Jabatan Pertanian, 2011-2012</b>	<b>28</b>
<b>Strategi Dan Pelan Tindakan Projek Pembangunan RMKe-10 Jabatan Pertanian, 2011-2012:</b>	
<b>1. Pakej Amalan Teknologi Tanaman Buah-Buahan</b>	<b>29 - 30</b>
<b>2. Pakej Amalan Teknologi Tanaman Sayur-Sayuran Dan Tanaman kontan</b>	<b>31 - 32</b>
<b>3. Pembangunan Kawasan Tanaman Kelapa</b>	<b>33 - 34</b>
<b>4. Pakej Amalan Teknologi Florikultur</b>	<b>35 - 36</b>
<b>5. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Johor</b>	<b>37 - 39</b>
<b>6. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Kedah</b>	<b>40 - 41</b>
<b>7. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Kelantan</b>	<b>42 - 43</b>
<b>8. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Melaka</b>	<b>44 - 45</b>
<b>9. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Sembilan</b>	<b>46 - 47</b>
<b>10. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Pahang</b>	<b>48 - 51</b>
<b>11. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Pulau Pinang</b>	<b>52 - 53</b>

<b>12. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Perak</b>	<b>54 - 56</b>
<b>13. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Selangor</b>	<b>57 - 60</b>
<b>14. Pembangunan Taman kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Terengganu</b>	<b>61 - 62</b>
<b>15. Kawasan Pembangunan Tumpuan Pertanian</b>	<b>63</b>
<b>16. Pengawalan Perosak Tanaman Pertanian</b>	<b>64 - 69</b>
<b>17. Perolehan Peralatan Dan Naiktaraf Pusat Rawatan Kuarantin Tanaman Bagi Memenuhi Keperluan Fitosanitasi</b>	<b>70 - 71</b>
<b>18. Pembinaan Tiga Makmal Diagnostik Bersepadu Wilayah Timur Di Besut, Terengganu</b>	<b>72</b>

## **PRAKATA**

---

Dokumen ini disediakan sebagai garis panduan dan rujukan warga Jabatan di dalam melaksanakan projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tempoh 2011-2012. Pelan Strategik ini dirangka adalah sejajar dengan matlamat pelaksanaan program / projek dibawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) serta aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi dalam sub-sektor Tanaman Makanan dan Industri Hiliran ke arah pengwujudan negara berpendapatan tinggi disamping keterangkuman dan kemampunan. Pelan Strategik ini memberi penekanan kepada peranan yang perlu dimainkan oleh warga Jabatan disamping output / *outcome* yang perlu dihasilkan dari program / projek yang dirancang dan dilaksanakan. Pelan ini akan disemak setiap tahun untuk disesuaikan dengan perubahan persekitaran dalaman dan luaran serta perubahan dari segi kehendak stakeholder dan pelanggan mengikut peruntukan pembangunan yang diluluskan.

Adalah diharapkan dengan adanya dokumen ini, semua peringkat warga Jabatan dapat memahami dan seterusnya melaksanakan fungsi, program, projek dan aktiviti mengikut strategi dan pelan tindakan yang telah ditentukan bagi memastikan output / *outcome* dapat dihasilkan seperti yang dirancang.

**Yang Hormat Dato' Sulaiman bin Md. Zain**

**Ketua Pengarah Pertanian**

**Jabatan Pertanian Malaysia**

**Julai 2011**

## LATAR BELAKANG

---

Jabatan Pertanian telah ditubuhkan pada tahun 1905 dengan tugas utama untuk melaksanakan dasar-dasar pertanian yang telah digariskan oleh kerajaan. Dengan tertubuhnya Jabatan Pertanian, beberapa Enakmen telah diluluskan untuk mempercepatkan pembangunan pertanian termasuk yang bersangkutan dengan pemansuhan buruh kontrak, pengkhususan tanah untuk kaum bumiputra, penyekatan kemasukan musuh-musuh yang berbahaya dan pemberian tanah kurang daripada 10 ekar kepada petani-petani bagi tujuan pertanian.

Pada peringkat awal penubuhannya, peranan Jabatan Pertanian tertumpu kepada menjalankan penyelidikan tanaman, menyediakan pakar-pakar teknikal kepada pengusaha-pengusaha ladang dan memberi perkhidmatan pengembangan kepada pekebun-pekebun kecil. Jabatan Pertanian juga bertanggungjawab memajukan semua tanaman yang berpotensi termasuk membangunkan perusahaan tanaman getah. Menyedari peningkatan permintaan industri getah, kerajaan telah menubuhkan Institut Penyelidikan Getah Malaya (RRIM) pada tahun 1926.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, Jabatan Pertanian telah berkembang dengan pesat dan diperkukuhkan. Disamping terlibat sepenuhnya dalam bidang penyelidikan, Jabatan juga menyediakan khidmat kepakaran teknikal, pemindahan teknologi, pemasaran dan pembangunan pertubuhan-pertubuhan peladang. Dengan tertubuhnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan – FAMA (1965), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian – MARDI (1970), Lembaga Pertubuhan Peladang – LPP (1973), Jabatan Pertanian telah disusun semula dan terus menumpukan peranannya dalam memberikan perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian melalui Jabatan Pertanian Negeri. Sistem penyampaian yang

digunakan oleh Jabatan Pertanian di dalam perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian telah berubah mengikut kehendak pelanggan. Pada masa ini, Sistem Pengembangan Tekno Pertanian digunapakai bagi menentukan perkhidmatan terbaik diberi kepada semua kumpulan golongan sasar.

## HUBUNGKAIT PERKHIDMATAN TERAS DAN OBJEKTIF DALAM PENCAPAIAN VISI DAN MISI JABATAN PERTANIAN

### VISI

Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

### MISI

Memberi Perkhidmatan Berkualiti Dan Berkesan Kepada Pengusaha-Pengusaha Pertanian Melalui Pengamalan Teknologi Terkini Dan Khidmat Regulatori Pertanian Untuk Meningkatkan Daya Pengeluaran Serta Memastikan Keselamatan Sektor Pertanian Negara.

#### TERAS DASAR PERTANIAN NEGARA KEEMPAT (DPN 4), 2011-2020

1. Menumpu Pembangunan Pertanian Bernilai Tinggi.
2. Jaminan Bekalan Makanan – Ketersediaan, Keselamatan dan Mampu Beli.
3. Perancangan dan Pembangunan Pertanian Mampan dan Seimbang.
4. Kluster Pertanian Dinamik, Memaksimumkan Penjana Pendapatan.
5. Pelaburan Swasta Pemangkin Transformasi Pertanian Moden.
6. Modal Insan Pertanian Bestari dan Berinformasi.
7. Pemodenan Pertanian Berpacuan Penyelidikan & Pembangunan (R&D), Teknologi & Inovasi.
8. Keunggulan Khidmat Sokongan Pertanian

#### TERAS RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RMKe-10), 2011-2015

1. Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi.
2. Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'.
3. Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.
4. Meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup.
5. Menqkuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

#### TERAS DASAR SEKTOR PERTANIAN DALAM RMKe-10

1. Meningkatkan pengeluaran pertanian termasuk penerokaan sumber pertumbuhan baru dengan penyertaan sektor swasta yang lebih besar.
2. Mengembangkan aktiviti pemrosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk.
3. Memperkukuhkan pemasaran dan rangkaian global.
4. Meningkatkan pendapatan pekebun kecil, petani dan nelayan.
5. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan.

#### PERKHIDMATAN TERAS

1. Memberi Khidmat Pengembangan dan Pembangunan Pertanian Melalui Pemindahan Teknologi Berteraskan Amalan Pertanian Baik di Sepanjang Rantaian Nilai bagi Meningkatkan Pengeluaran dan Pendapatan serta Memastikan Pengeluaran Bahan Makanan Yang Mencukupi, Berkualiti dan Selamat Dimakan.
2. Perkhidmatan Regulatori & Menguatkuasa Akta-Akta Yang Menjaga Keselamatan dan Kualiti Makanan Serta Melindungi Industri Pertanian Negara Dari Ancaman Perosak dan Penyakit Dari Luar Serta Memudahkan Perdagangan Antarabangsa.

#### OBJEKTIF

1. Memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.
2. Membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara.
3. Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian.
4. Melindungi tanaman industri dan makanan daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan biosekuriti tumbuhan.
5. Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang berkualiti dan selamat serta memelihara alam sekitar.
6. Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan janaplasma negara daripada di bawa keluar negara dan terancam pupus.



## **MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN**

---

**"Anda Kami Utamakan"**

## PIAGAM PELANGGAN

---

Kami berjanji akan memberikan perkhidmatan berkualiti seperti berikut:

1. Khidmat perundingan dan nasihat teknikal akan diberi selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh terima permohonan.
2. Maklum balas permohonan projek-projek pertanian akan diberi selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh terima permohonan.
3. Khidmat analisis makmal, analisis kesesuaian tanah dan kepakaran diagnostik tanaman bergantung kepada jenis analisis dalam tempoh seperti berikut dari tarikh terima permohonan:
  - i. Analisis tanah, baja, daun, air dan pengeluaran peta tanah dan peta guna tanah antara 1 minggu hingga 3 bulan.
  - ii. Analisis residu racun perosak bagi 1 sampel hasil pertanian untuk tujuan eksport dalam tempoh 3 hari hingga 14 hari.
  - iii. Diagnostik ladang dan makmal bagi perosak tanaman kurang daripada 14 hari.
4. Khidmat Regulatori
  - a. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 : Keputusan bagi permohonan sijil/permit/lesen yang memenuhi syarat/keperluan dalam tempoh seperti berikut dari tarikh terima permohonan:
    - i. Permit import bagi tumbuhan, bahan tanaman, media tanaman, bahan pembungkus, tanah, organisma berfaedah dalam masa 5 hari.
    - ii. Permit import bagi baja organik dan mikroorganisma dalam tempoh 3 bulan hingga 6 bulan.
    - iii. Lesen eksport, Sijil Fitosanitasi dan Sijil CITES (Convention on International Trade in Endangered Species) dalam masa 2 hari.

- b. Akta Racun Makhluk Perosak 1974 : Keputusan bagi permohonan sijil/permit/lesen yang memenuhi syarat/keperluan dalam tempoh seperti berikut dari tarikh terima permohonan :
- i. Pendaftaran racun makhluk perosak dalam tempoh 6 bulan.
  - ii. Permit import racun makhluk perosak yang tidak berdaftar untuk tujuan pelajaran/penyelidikan dalam tempoh 14 hari.
  - iii. Lesen pengendalian kawalan makhluk perosak dalam tempoh 45 hari.
  - iv. Pelesenan pemakai dan pembantu pemakai racun makhluk perosak dalam tempoh 10 hari.
  - v. Pengiklanan racun makhluk perosak disemua media dalam tempoh 30 hari.
  - vi. Penyemburan udara (Aerial Spraying) dalam tempoh 14 hari.
  - vii. Pelesenan premis untuk menjual/menyimpan untuk jualan dalam tempoh 45 hari.
- c. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 : Pemberian hak milik pembiak baka bagi sesuatu varieti baru tumbuhan dalam tempoh seperti berikut dari tarikh terima permohonan:
- i. Tanaman singkat masa dalam tempoh 12 bulan hingga 24 bulan.
  - ii. Tanaman jangka masa sederhana dalam tempoh 25 bulan hingga 60 bulan.
  - iii. Tanaman jangka masa panjang dalam tempoh 60 bulan hingga 120 bulan.

5. Khidmat Inspektorat (pensijilan & pengesahan)

a. Pensijilan : Keputusan bagi permohonan pensijilan yang memenuhi syarat dalam tempoh seperti berikut dari tarikh terima permohonan:

- i. Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dalam tempoh 6 bulan hingga 24 bulan.
- ii. Pensijilan Skim Organik Malaysia (SOM) dalam tempoh 18 bulan hingga 36 bulan.
- iii. Pensijilan MPCA (*Malaysian Phytosanitary Certification Scheme*) dan MAHTAS (*Malaysian Heat Treatment Accreditation Scheme*)

b. Pengesahan : Perakuan pengesahan kualiti bagi konsainan bahan tanaman yang memenuhi syarat dan standard dalam tempoh seperti berikut dari tarikh terima permohonan :

- i. Pengesahan pengeluaran benih padi (benih padi daftar dan benih padi sah) dalam tempoh 7 hari hingga 14 hari.
- ii. Pengesahan benih tanaman dalam tempoh 14 hari hingga 30 hari.

## NILAI-NILAI TERAS

---

Nilai-nilai yang menjadi pegangan bersama dan mendorong warga Jabatan Pertanian ke arah pencapaian visi ialah:

- **Bertindak sebagai satu pasukan**  
Ke arah pencapaian visi, misi dan peningkatan keberkesanan serta imej Jabatan Pertanian.
- **Profesionalisme dan Kepakaran**  
Menghayati dan mengamalkan profesionalisme dan kepakaran meliputi komitmen yang tinggi, bertanggungjawab, gigih, berkemahiran, bijaksana, berkemampuan, kreatif, inovatif, bermutu, berdaya saing, tekun dan tabah dalam menjalankan tugas.
- **Kecemerlangan dan Keunggulan**  
Mengutamakan kecemerlangan dan keunggulan melalui prestasi kerja terbaik, mengutamakan pelanggan, mendapatkan pelbagai kemahiran bagi melaksanakan tugas, berdedikasi dan berdisiplin tinggi.
- **Berintegriti dan Berwibawa**  
Mengamalkan sifat-sifat terpuji, termasuk dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan, bersedia menerima kritikan dan teguran, memelihara penampilan diri serta berbudi bahasa.
- **Mengamal budaya berkualiti**  
Mengamalkan budaya kualiti dalam pelaksanaan semua projek Jabatan.
- **Berilmu menerusi pembelajaran berterusan**  
Meneruskan pembelajaran melalui pelbagai cara untuk peningkatan diri termasuk melalui pengalaman dan menggalakkan anggota lain untuk turut belajar.

## **KUASA DAN UNDANG-UNDANG**

---

Dalam menjalankan fungsi, program dan aktiviti berkaitan pertanian, Jabatan Pertanian menjalankan kuasanya berasaskan peruntukan undang-undang berikut:

### **1. Akta-Akta dibawah Jabatan Pertanian:**

- i. Akta Kuarantin Tumbuhan, 1976 dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981
- ii. Akta Racun Makhluk Perosak, 1974
- iii. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan, 2004
- iv. *Convention on International Trade of Endangered Species of Fauna & Flora (CITES)*

### **2. Arahan Pentadbiran:**

- i. Arahan Perbendaharaan
- ii. Perintah-Perintah Am (Bab B, C, E, F, dan G)
- iii. Perlembagaan Persekutuan Bahagian 10 – Perkhidmatan Awam
- iv. Akta Prosedur Kewangan, 1957
- v. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), 1993
- vi. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Perlantikan Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan, 2005

### **3. Arahan-arahan Lain:**

- i. *Land Conservation Act*, 1960
- ii. Kanun Tanah Negara, 1965
- iii. Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974
- iv. *Town And Country Planning Act*, 1976
- v. Akta Makanan, 1983
- vi. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, 1994
- vii. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport), 1998
- viii. Enakmen Tanah Negeri

## **'STAKEHOLDERS'**

---

Stakeholders Jabatan terdiri daripada:

### **'Stakeholders'**

- YAB Perdana Menteri
- YAB Timbalan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Negara
- Jemaah Menteri
- Menteri Besar
- Ketua Menteri
- Menteri Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Timbalan Menteri Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Exco-Exco Pertanian Kerajaan Negeri

## **PELANGGAN**

---

Pelanggan Jabatan terdiri daripada:

### **Pelanggan**

- Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan berkaitan
- Badan Berkanun
- Sektor Swasta
- Petani
- Usahawan
- Orang awam yang berminat dalam bidang pertanian
- Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Persatuan-persatuan

## **GOLONGAN SASAR / PELANGGAN LANGSUNG**

---

Golongan sasaran Jabatan adalah:

### **Golongan Sasar / Pelanggan Langsung**

- Pengusaha Projek
- Pengusaha IAT
- Usahawantani / IAT
- Sektor swasta



## **CABARAN DI DALAM PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN**

---

Antara cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

- i. Mencapai ekonomi berpendapatan tinggi
- ii. Menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan
- iii. Meningkatkan produktiviti secara mampan
- iv. Meningkatkan dayaasaing bagi menghadapi globalisasi dan liberalisasi
- v. Mengurangkan defisit imbalan dagangan makanan terutama bagi tanaman yang boleh ditanam di dalam negara
- vi. Memenuhi keperluan perubahan diet
- vii. Memanfaatkan biodiversiti tempatan
- viii. Mengukuhkan rangkaian nilai

# PERANAN JABATAN PERTANIAN DALAM TRANSFORMASI PEMBANGUNAN PERTANIAN

---

Bagi menghadapi senario masa kini dan masa hadapan, Jabatan Pertanian akan terus memainkan peranan tradisional, peranan semasa dan peranan baru masa hadapan seperti berikut:

## 1. Peranan sebagai ‘pacesetter’, pemimpin dan pembimbing

Jabatan Pertanian bertindak sebagai peneraju khidmat kepakaran teknikal dan pemindahan teknologi untuk menentukan pembangunan yang berterusan dalam sub-sektor tanaman makanan dan industri hiliran. Ini dilaksanakan melalui pemindahan dan pengamalan teknologi bagi mencapai matlamat pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti, dan selamat dimakan.

Jabatan Pertanian memainkan peranan sebagai ‘*innovator*’ dalam penghasilan produk pertanian berkualiti yang dapat menepati tahap piawaian antarabangsa dengan memperkenalkan Sijil Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM).

Di samping itu, Jabatan juga telah memperkenalkan konsep baru bagi pembangunan tanaman dan Industri hiliran termasuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Jabatan juga berperanan di dalam pembangunan modal insan melalui program usahawan tani (Pusat Inkubator Pertanian), latihan usahawan pemprosesan makanan dan Industri hiliran (Pusat Bimbingan Usahawan, PBU) dan Latihan Sijil Pertanian (Institut Pertanian).

## **2. Peranan sebagai Fasilitator**

Jabatan Pertanian bertindak sebagai fasilitator bagi menarik minat swasta melabur di dalam sektor pertanian melalui berbagai-bagai perkhidmatan termasuk seminar pelaburan yang fokus kepada perkara-perkara seperti insentif pengecualian cukai, urusan kemasukan pekerja asing, dan penemusuaan antara pengusaha, pemilik tanah dan pembeli. Jabatan Pertanian juga menjadi pemudahcara dalam menjayakan projek-projek pertanian melalui konsep MoA Inc.


Jabatan Pertanian juga menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal seperti pendaftaran kultivar, pengeluaran dan jualan benih tanaman, khidmat diagnostik, pengawasan dan ramalan serangga perosak, siasatan tanah, perkhidmatan makmal, dan maklumat statistik pertanian.

## **3. Peranan sebagai 'regulator'**

Jabatan Pertanian bertindak sebagai '*regulator*' dalam penguatkuasaan Akta-Akta seperti Akta Kawalan Racun Makhluk Perosak, 1974; Akta Kuarantin Tumbuhan, 1976 dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981; Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport), 1998; Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan, 2004 dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa bagi Spesis-Spesis Haiwan dan Tumbuhan Liar yang Terancam Pupus (CITES).

# PERANAN JABATAN PERTANIAN BAGI TEMPOH 2011-2015

Peranan Jabatan Pertanian dalam pembangunan industri pertanian akan ditumpukan kepada khidmat kepakaran teknikal dan pemindahan teknologi kepada pelanggan dan golongan sasaran seperti ditunjukkan dalam gambajah dibawah:



## **HALA TUJU JABATAN PERTANIAN BAGI TEMPOH 2011-2015**

---

Berikut adalah hala tuju Jabatan Pertanian bagi tempoh 2011 – 2015 berteraskan kepada hala tuju strategik Dasar Pertanian Negara Keempat (DPN4):

1. Meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman dan industri hiliran
2. Mempergiatkan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk
3. Penerokaan Pertanian bernilai tinggi
4. Pengukuhan rangkaian bekalan sub-sektor tanaman makanan
5. Memperluaskan amalan pertanian mesra alam
6. Pembangunan sumber manusia berkualiti
7. Memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)

## **PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK RMKe-10 JABATAN PERTANIAN, 2011-2015**

---

Pendekatan pelaksanaan yang telah dikenalpasti untuk menghasilkan *outcome* bagi projek RMKe-10 adalah seperti berikut:

### **i. Pelaksanaan secara bersepadu dan fokus kepada '*people centric*'**

Perancangan akan dibuat secara menyeluruh dengan mengambil kira semua aspek teknikal dan pengurusan dan dibuat secara bersepadu yang melibatkan semua Bahagian berkaitan. Projek yang dirancang adalah merupakan projek Jabatan Pertanian bukan projek Bahagian-Bahagian dengan fokus kepada '*people centric*'.

### **ii. Pemindahan teknologi secara pakej**

Pemindahan teknologi secara pakej akan dilaksanakan bagi pembangunan tanaman yang dikenalpasti samada di kawasan sediaada ataupun kawasan baru. Teknologi yang ditawarkan meliputi pengurusan tanah, pengurusan tanaman, kawalan perosak, pengendalian lepas tuai, pemprosesan dan pemasaran yang melibatkan beberapa bahagian di Jabatan Pertanian akan disepadukan bagi memastikan projek berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Teknologi yang ditawarkan selaras dengan pendekatan berasaskan rantai nilai bagi meningkatkan daya saing dan kemampuan sektor mengikut *business model* tanaman yang telah ditetapkan.

### **iii. Fokus kawasan pengeluaran mengikut komoditi terpilih berasaskan pendekatan kluster**

Kawasan pengeluaran tanaman akan ditumpukan kepada menaiktaraf kawasan sediaada dan membuka kawasan pengeluaran baru untuk meningkatkan potensi hasil projek berkenaan. Kawasan pengeluaran baru yang dikenalpasti pula akan dibangunkan sebagai satu kluster bagi memastikan peruntukan yang terhad digunakan sebaik mungkin untuk mencapai matlamat projek yang dilaksanakan oleh Jabatan. Pembahagian peruntukan akan dilaksanakan mengikut pembangunan kluster tanaman yang dikenalpasti selaras dengan Dasar Pertanian Negara Keempat (DPN4) dan projek NKEA. Buah-buahan yang dikenalpasti untuk eksport segar adalah nanas, belimbing, betik, nangka, pisang, tembikai dan melon. Sementara buah-buahan untuk eksport jangka masa panjang adalah durian (sejuk beku), rambutan dan manggis telah dikenalpasti. Bagi tujuan pemprosesan, buah-buahan yang dikenalpasti adalah nanas dan nangka. Sayur-sayuran yang dikenalpasti untuk diberi tumpuan adalah cili, tomato, jagung, sayuran daun, salad dan capsicum.

### **iv. Jaminan keselamatan makanan**

Bagi menjamin keselamatan dan kualiti hasil, Jabatan Pertanian akan terus melaksanakan khidmat regulatori dan penguatkuasaan akta-akta pertanian untuk memastikan industri sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab bagi meminimumkan impak negatif ke atas pengguna, haiwan dan alam sekitar. Selain itu, Jabatan Pertanian akan memberi perkhidmatan analisis sisabaki racun perosak bagi menyokong usaha-usaha ke arah Amalan Pertanian Baik. Untuk meningkatkan perdagangan global, Jabatan Pertanian akan memastikan pengeksport mematuhi peraturan antarabangsa mengenai keperluan SPS. Jabatan Pertanian juga akan menguatkuasakan Akta

Perlindungan Varieti Tanaman untuk memberi perlindungan hak pembiakbaka bagi varieti baru dan pengiktirafan ke atas sumbangan petani, masyarakat tempatan dan peribumi.

**v. Pembangunan modal insan**

Jabatan Pertanian akan terus memberi pelbagai jenis latihan dan kursus untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan kepakaran pegawai. Langkah ini diambil bagi memastikan pemindahan teknologi dapat disampaikan kepada golongan sasaran dengan berkesan dan dapat mencapai matlamat peningkatan produktiviti, pengeluaran dan pendapatan golongan sasaran. Di samping itu, Jabatan juga menggalakkan kerjasama dengan industri untuk meningkatkan kemahiran perniagaan tani pegawai melalui sandaran (*attachment*) dengan pihak industri.



## RANGKAIAN STRATEGIK

---

Jabatan Pertanian memerlukan penglibatan, sokongan dan kerjasama semua 'stakeholders', pelanggan dan warga Jabatan untuk melaksanakan projek serta aktiviti dengan berkesan melalui forum / mekanisma berikut :

- i. Mesyuarat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- ii. Mesyuarat dengan Agensi dan Jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- iii. Mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP)
- iv. Mesyuarat MOA Inc
- v. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keperluan Tanah untuk Sub-Sektor Tanaman (Bukan Padi)
- vi. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek RMKe-10 bagi Sub Sektor Tanaman (Bukan Padi)
- vii. Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pertanian
- viii. Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Pertanian
- ix. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Jabatan Pertanian
- x. Mesyuarat-mesyuarat Antarabangsa seperti di peringkat ASEAN, WTO, FAO, APEC, kerjasama dua-hala atau pelbagai hala dan lain-lain.
- xi. TWG DOA MARDI

# FAKTOR MENENTUKAN KEJAYAAN – LUARAN DAN DALAMAN

---

**A. Faktor-faktor luaran yang telah dikenalpasti mempunyai implikasi terhadap pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Pertanian yang meliputi peluang dan ancaman adalah seperti berikut:**

## **1. Peluang**

- Pengeluaran produk pertanian masih belum mencukupi untuk keperluan pasaran tempatan dan eksport.
- Peluang pasaran yang lebih luas akibat globalisasi.
- Peningkatan minat dan penglibatan syarikat swasta dalam industri pengeluaran tanaman makanan.
- Peningkatan permintaan terhadap produk-produk baru seperti produk organik dan herba.

## 2. Ancaman

- Peningkatan kos pengeluaran disebabkan peningkatan kos input.
- Kekurangan tanah yang sesuai untuk pertanian kerana persaingan dengan sektor lain.
- Kekurangan tenaga kerja di bidang pertanian akibat persaingan dengan sektor lain.
- Petani kecil (tradisional) sukar dilibatkan dalam aktiviti pertanian komersial.
- Adaptasi terhadap perubahan teknologi masih rendah terutama di kalangan petani tradisional.
- Tuntutan dan ekspektasi yang meningkat daripada stakeholders dan pelanggan.
- Perubahan-perubahan dasar dan peraturan perdagangan antarabangsa seperti WTO, ISPM.

**B. Faktor-faktor dalaman yang telah dikenalpasti mempunyai implikasi terhadap pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Pertanian yang meliputi kekuatan dan kelemahan adalah seperti berikut:**

**1. Kekuatan**


- Mempunyai sumber manusia dalam pelbagai bidang kepakaran.
- Mempunyai iklim makro yang baik.
- Mempunyai infrastruktur dan kemudahan bagi tujuan pembangunan pertanian.
- Sistem jaminan kualiti hasil keluaran melalui pensijilan SALM dan SOM telah diwujudkan.
- Akta-akta seperti Akta Kuarantin Tanaman, Akta Racun Makhluk Perosak, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan, Akta CITES dan Akta Baja dikuatkuasakan.

## **2. Kelemahan**

- Kualiti produk masih perlu ditingkatkan.
- Pengeluaran tidak konsisten.
- Pengeluaran berskala besar masih rendah.
- Pakej teknologi bersepadu untuk pengeluaran, kawalan perosak dan penyakit serta aktiviti lepas tuai masih perlu ditingkatkan.

# RANGKA KERJA BERSEPADU DASAR DAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10 JABATAN PERTANIAN, 2011-2015

---



## PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10 JABATAN PERTANIAN, 2011-2012

Teras 1	:	Meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi
KRA RMKe-10	:	Peningkatan daya saing negara dalam persekitaran global
<i>Outcome</i> RMKe-10	:	Pengukuhan daya tahan ekonomi dan perluasan syer pasaran global bagi produk dan perkhidmatan Malaysia
Program RMKe-10	:	Peningkatan daya saing negara
KRA Kementerian	:	Peningkatan daya saing sub-sektor agro makanan
<i>Outcome</i> Kementerian	:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peningkatan sumbangan sub-sektor agro makanan kepada KDNK</li> <li>2. Perluasan pasaran keluaran pertanian dan produk asas tani dan peningkatan syer produk agro makanan di pasaran global</li> </ol>
Program Kementerian	:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peningkatan pengeluaran, produktiviti dan daya saing sub-sektor agro makanan</li> <li>2. Pasaran dan Promosi</li> </ol>
Projek Jabatan	:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pakej Amalan Teknologi Tanaman Buah-buahan</li> <li>2. Pakej Amalan Teknologi Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan</li> <li>3. Pembangunan Kawasan Tanaman Kelapa</li> <li>4. Pakej Amalan Teknologi Florikultur</li> <li>5 -14. Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)</li> <li>15. Kawasan Pembangunan Tumpuan Pertanian (ACDA)</li> <li>16. Pengawalan Perosak Tanaman Pertanian</li> <li>17. Perolehan Peralatan dan Naiktaraf Pusat Rawatan Kuarantin Tanaman Bagi Memenuhi Keperluan Fitosanitasi</li> <li>18. Pembinaan Tiga Makmal Diagnostik Bersepadu Wilayah Timur di Besut, Terengganu</li> </ol>

# STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10 JABATAN PERTANIAN, 2011-2012

---

Strategi dan pelan tindakan mengikut Projek Pembangunan 2011-2012 adalah seperti berikut:

## 1. Projek Pakej Amalan Teknologi Tanaman Buah-buahan

### **Penerangan Projek:**

Projek ini adalah untuk memindahkan teknologi amalan pertanian baik kepada pengusaha buah-buahan.

### **Skop:**

Kadar pembiayaan maksimum RM6,000/ha yang meliputi pemindahan teknologi, peralatan, kelengkapan dan kemudahan bagi sistem pengairan, saluran dan perparitan, pembajaan, kawalan perosak tanaman, penggunaan klon yang berkualiti dan pasca tuai, penyediaan dan pembangunan kawasan, infrastruktur ladang, pengujian dan penyesuaian teknologi tanaman.

### **Outcome:**

- i. Peratus peningkatan produktiviti
- ii. Bilangan pengusaha yang mengamalkan teknologi yang disyorkan



Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
Meningkatkan produktiviti	<p>a) Fokus kepada kawasan sediada dan jenis tanaman seperti tanaman durian, mangga, rambutan, tembikai, manggis dan lain-lain.</p> <p>b) Teknologi yang akan disampaikan berasaskan kepada Amalan Pertanian Baik bagi menghasilkan produk yang berkualiti tinggi ke arah Skim Pensijilan seperti SALM.</p> <p>c) Mengenalpasti kawasan yang mempunyai kultivar tanaman yang berkualiti dan berpengeluaran tinggi serta dikaitkan dengan Industri hiliran. Kawasan yang telah dikenalpasti berpotensi akan diberi keutamaan bagi tujuan pelaksanaan projek.</p> <p>d) Mempromosikan teknologi di kawasan petani sediada yang dipilih oleh JKPP / JKPP. Insentif amalan teknologi akan diberi mengikut pakej dan keperluan kawasan seperti teknologi pembajaan, teknologi pengurusan perosak, teknologi sistem pengairan dan saluran, teknologi pengendalian lepas tuai dan teknologi penggunaan varieti yang berkualiti.</p>	<p>- Keluasan (ha)</p> <p>- Produktiviti (tan/ha)</p> <p>- Bilangan pengusaha (orang)</p>	<p>- 50 - 117</p> <p>- 9.8 - 10.1</p> <p>- 25 - 53</p>	<p>2011 2012</p> <p>2011 2012</p> <p>2011 2012</p>

## 2. Projek Pakej Amalan Teknologi Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan

### Penerangan Projek:

Projek ini adalah untuk memindahkan teknologi amalan pertanian baik kepada pengusaha sayur-sayuran dan tanaman kontan.

### Skop:

Kadar pembiayaan maksimum RM10,000/ha yang meliputi memindahkan teknologi, peralatan pertanian, kelengkapan dan kemudahan bagi teknologi sistem pengairan, saluran dan perparitan, pembajaan, kawalan perosak tanaman, penggunaan klon yang berkualiti dan pasca tuai, penyediaan dan pembangunan kawasan, infrastruktur ladang, pengujian dan penyesuaian teknologi tanaman.

### Outcome:

- i. Peratus peningkatan produktiviti
- ii. Bilangan pengusaha yang mengamalkan teknologi yang disyorkan

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
Meningkatkan produktiviti	a) Fokus kepada kawasan sediaada dan jenis tanaman seperti tanaman cili, tomato, jagung dan sayuran daun.	- Keluasan (ha)	- 30 - 70	2011 2012
		- Produktiviti (tan/ha)	- 13.2 - 13.5	2011 2012
	b) Teknologi yang akan disampaikan berasaskan kepada Amalan Pertanian Baik bagi menghasilkan produk yang berkualiti tinggi ke arah Skim Pensijilan seperti SALM.	- Bilangan pengusaha (orang)	- 15 - 35	2011 2012
	c) Mempromosikan teknologi di kawasan petani sediaada yang dipilih oleh JKPP / JKPP.			

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
	<p>Insentif amalan teknologi akan diberi mengikut pakej dan keperluan kawasan seperti teknologi pembajaan, teknologi pengurusan perosak, teknologi sistem pengairan dan saliran, teknologi pengendalian lepas tuai dan penggunaan benih yang berkualiti.</p>			

### 3. Projek Pembangunan Kawasan Tanaman Kelapa

#### **Penerangan Projek:**

Projek ini adalah untuk penanaman semula dan pemulihan kawasan kelapa bagi tujuan meningkatkan hasil pengeluaran kelapa pekebun kecil.

#### **Skop:**

- i. Integrasi dengan tanaman jagung, pisang dan koko, herba, tebu dan nanas
- ii. Penanaman semula kelapa dengan kadar pembiayaan maksimum sebanyak RM20,000/ha untuk 4 tahun yang meliputi pembangunan infrastruktur dan input pertanian.
- iii. Pemulihan kawasan kelapa dengan kadar pembiayaan maksimum sebanyak RM5,500/ha untuk 3 tahun yang meliputi pembaikan infrastruktur dan input pertanian.
- iv. Pusat Pengumpulan Hasil Kelapa - Pembinaan Pusat Pengumpulan Hasil.
- v. Pemerhatian dan promosi teknologi kelapa.
- vi. Pengeluaran dan pembelian benih kelapa.

#### **Outcome:**

- i. Peratus peningkatan pengeluaran kelapa
- ii. Bilangan pengusaha yang berpendapatan RM1,000

<b>Strategi</b>	<b>Pelan Tindakan</b>	<b>Indikator</b>	<b>Indikator Sasaran</b>	<b>Tahun Sasaran</b>
Meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pengusaha	a) Fokus kepada projek integrasi kelapa dengan tanaman lain seperti jagung / pisang / koko / herba / tebu / nanas serta pengeluaran benih kelapa disamping penanaman semula, pemuliharaan kawasan kelapa dan pengeluaran benih kelapa.	- Keluasan (ha)		
		i. Integrasi kelapa	- 280	2011
		ii. Penanaman semula	- 500	2012
		iii. Pemulihan kawasan	- 20 - 700	2011 2012

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengeluaran benih (biji)               <ul style="list-style-type: none"> <li>i. MATAG</li> <li>ii. Pandan</li> </ul> </li>   <li>- Bilangan pengusaha (orang)               <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Integrasi kelapa</li> <li>ii. Penanaman semula</li> <li>iii. Pemulihan kawasan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- 35,000</li> <li>- 25,000</li> <li>- 43,000</li> <li>- 43,000</li>   <li>- 278</li> <li>- 481</li> <li>- 20</li> <li>- 700</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>2011</li> <li>2012</li> <li>2011</li> <li>2012</li>   <li>2011</li> <li>2012</li> <li>2011</li> <li>2012</li> </ul>

#### 4. Projek Pakej Amalan Teknologi Florikultur

##### **Penerangan Projek:**

Projek ini adalah untuk memindahkan teknologi amalan pertanian baik kepada pengusaha bunga-bunga.

##### **Skop:**

Kadar pembiayaan maksimum RM30,000/ha yang meliputi memindahkan teknologi, pembangunan kawasan, kemudahan infrastruktur asas (tidak termasuk rumah teduhan) seperti sistem pengairan dan juga bahan input.

##### **Outcome:**

- i. Peratus peningkatan nilai pengeluaran
- ii. Bilangan pengusaha yang mengamalkan teknologi yang disyorkan

<b>Strategi</b>	<b>Pelan Tindakan</b>	<b>Indikator</b>	<b>Indikator Sasaran</b>	<b>Tahun Sasaran</b>
Meningkatkan nilai pengeluaran	Fokus kepada pengusaha dan kawasan pengeluaran bunga keratan dan nurseri tanaman hiasan sediada yang berpotensi untuk dikembangkan.  a) Perladangan Bunga Keratan Secara Komersil	- Keluasan (ha)  - Bilangan pengusaha (orang)  - Nilai pengeluaran (RM/tahun)  - Jumlah pengeluaran (Bil. Keratan)	- 1.0 - 0.8  - 5 - 4  - 200,000 - 160,000  - 250,000 - 200,000	2011 2012  2011 2012  2011 2012  2011 2012

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
	b) Pengurusan Nurseri Bunga dan Tanaman Hiasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keluasan (ha)</li> <li>- Bilangan pengusaha (orang)</li> <li>- Nilai pengeluaran (RM/tahun)</li> <li>- Jumlah pengeluaran (Bil. Keratan)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- 0.4</li> <li>- 2</li> <li>- 120,000</li> <li>- 40,000</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>2011</li> <li>2011</li> <li>2011</li> <li>2011</li> </ul>

## 5. Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Johor

### Penerangan Projek:

Projek ini adalah untuk membangunkan kawasan kekal bagi pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran.

### Skop:

- i. Menaik taraf infrastruktur di TKPM sediaada seperti jalan ladang, perparitan dan sistem pengairan dengan kadar pembiayaan maksimum RM500/ha.
- ii. Baik pulih kesuburan tanah yang melibatkan pembelian baja organan dan pembinaan bangsal serta bahan penyediaan kompos dengan kadar pembiayaan maksimum RM2,000/ha.

### Outcome:

